

# Dialog dengan wakil belia isu kos sara hidup

**Putrajaya:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengadakan dialog dengan wakil gabungan belia seluruh negara bagi mendapatkan input dan idea dalam menangani isu kos sara hidup golongan muda.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata sejati juga membolehkan kementeriannya menjelaskan dasar dan inisiatif dilaksanakan berkaitan usaha menangani kos sara hidup rakyat.

Katanya, beliau sendiri mendengar pelbagai idea dan persoalan dilontarkan belia menerusi sesi dialog bersama hampir 300 belia peserta 41 gabungan belia seluruh

negara yang bernaung di bawah Majlis Belia Malaysia (MBM) di kementeriannya, semalam.

"Saya sangat teruja dan terkesan dengan pandangan dan persoalan disampaikan wakil, malah saya mencadangkan kepada MBM supaya inisiatif sama dilaksanakan pada peringkat negeri.

"Melalui cara ini, isu kepenggunaan dan kos sara hidup dapat diperluaskan, terutama membabitkan belia," katanya selepas sesi dialog berkenaan.

Saifuddin berkata, sebagai komitmen kerajaan membawa suara belia untuk bersama menangani isu kos sara hidup, KPDNHEP menyenaraikan Presiden

MBM, Jufitri Joha, menganggotai Majlis Tindakan Kos Sara Hidup Negara yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

"Sebagai sekretariat majlis itu, kita juga dalam proses menyenaraikan wakil Majlis Belia FELDA.

"Ini bukti kesungguhan kementerian yang melihat potensi dan sumbangan wakil belia pada peringkat jawatankuasa tertinggi diwujudkan kerajaan," katanya.

Saifuddin berkata, antara isu dibangkitkan belia pada sesi dialog berkenaan adalah berkaitan pemilikan rumah. Mereka mahu kerajaan memainkan peranan

mengawal selia harga rumah supaya tidak hanya ditentukan faktor lain.

"Mereka juga berasaskan sistem data dalam program Food Bank di 11 universiti yang dilaksanakan KPDNHEP ketika ini lebih fleksibel, iaitu turut memasukkan golongan M40 dari pada keluarga besar, supaya kelompok ini tidak tertinggal.

"Selain itu, ada cadangan supaya subsidi kerajaan bukan sahaja diterima pengguna, malah bermula pada peringkat sumber bagi memastikan harga akhir barang pengguna tidak membebankan rakyat. Saya berjanji akan meneliti cadangan itu," katanya.